



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OKTOBER 2025

DAHSYATNYA AZAB AKHIRAT

31 OKTOBER 2025 M | 9 JAMADILAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Percaya kepada azab akhirat adalah sebahagian daripada rukun iman. Orang yang beriman akan berusaha melakukan kebaikan dan menjauhi segala maksiat kerana takut kepada azab Allah Azzawajalla yang disediakan pada hari akhirat. Dahsyatnya azab hari akhirat bermula apabila semua manusia dibangkitkan dari kubur dalam keadaan terkejut menuju ke padang mahsyar. Sebagaimana firman Allah Taala dalam surah Yasin ayat 52,



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالُوا يَوَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا^ق هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

Yang bermaksud: “Mereka berkata, “Celakalah kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat tidur kami (kubur)?” (Lalu, dikatakan kepada mereka,) “Inilah yang dijanjikan (Allah) Yang Maha Pengasih dan benarlah para rasul(-Nya).”

Ketakutan setelah dibangkit dari kubur diikuti dengan berhimpun di padang mahsyar. Semua manusia sejak zaman Nabi Adam Alaihi Salam hingga kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berhimpun beramai-ramai di bawah terik matahari yang jaraknya dengan setiap orang bergantung kepada amalannya ketika di dunia. Peristiwa ini merupakan sebahagian azab yang amat menggerunkan sebagaimana hadis riwayat Imam Muslim Radhiallahu Anhu:

Yang bermaksud: “Manusia akan berada dalam peluh mengikut tahap amalan mereka. Ada di antaranya yang peluhnya sehingga ke tumit, ada di antaranya yang peluhnya sehingga ke lutut, ada di antaranya yang peluhnya sehingga ke pinggang dan ada yang tenggelam di dalam peluhnya.”

Imam al-Ghazali berkata, orang yang banyak mengeluarkan peluhnya di dunia kerana agama Allah Taala akan kurang peluhnya di padang mahsyar. Oleh itu banyaklah beribadat dan beramal agar peluh kita sedikit di akhirat nanti.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Sediakan bekalan dengan amal soleh yang akan menjadikan saksi dan membantu kita semua di akhirat. Sesungguhnya manusia yang lalai lalu terjerumus dalam maksiat, ingatlah di hari akhirat dahsyatnya azab pada hari itu tidak dapat dibayangkan oleh kita semua kerana mulut yang sering bercakap dan memberi pelbagai alasan akan dikunci dan diberi peluang kepada tangan dan kaki untuk bersaksi ke atas diri mereka sendiri. Allah Taala berfirman dalam surah Yasin ayat 65,

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Yang bermaksud: *“Pada waktu itu, Kami mengunci mati mulut mereka dan tangan mereka memberitahu Kami apa-apa yang telah mereka lakukan dan kaki mereka pula akan menjadi saksi terhadap apa-apa yang telah diusahakan (dilakukan) mereka.”*

Manakala harta haram yang diambil daripada hak orang lain sama ada melalui penipuan atau rasuah maka pelakunya akan diseksa dengan harta tersebut. Harta yang haram adalah saksi di akhirat nanti. Hayatilah betapa dahsyatnya azab yang menimpa mereka sebagaimana hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mengambil hak orang lain walau hanya sejengkal tanah, maka akan dikalungkan ke lehernya (pada hari kiamat nanti) seberat tujuh lapis bumi."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,

Sesungguhnya azab hari akhirat akan menakutkan hati orang yang beriman, lalu menjadikan mereka segera untuk melakukan kebaikan dan



menjauhkan kemungkar. Orang yang mati dan membawa kufur serta maksiat bersama mereka sesungguhnya azab yang amat dahsyat dan bentuk siksaan yang menggerunkan menanti mereka. Allah Taala berfirman dalam surah al-Nisa ayat-56,

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ بَدَّلْنَاهُمْ

جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا الْعَذَابَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang kufur pada ayat-ayat Kami kelak akan Kami masukkan ke dalam neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami ganti dengan kulit yang lain agar mereka merasakan (kepedihan) azab. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Bukan itu sahaja, azab yang dahsyat itu ditambah pula melalui makanan dan minuman yang panas menggelegak yang memenuhi perut mereka. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Waqiah ayat 52 hingga 54,

لَا كُلُوفَ مِنْ شَجَرٍ مِّنْ زُقُومٍ ﴿٥٢﴾ فَمَالِئُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ﴿٥٣﴾ فَشَرِبُونَ عَلَيْهِ مِنْ

الْحَمِيمِ ﴿٥٤﴾

Yang bermaksud: “Pasti mereka akan memakan pohon zaqum. Lalu, kamu akan memenuhi perutmu dengannya. Setelah itu, untuk penawarnya (zaqum) kamu akan meminum air yang sangat panas.”

Kesimpulannya, Ingatlah dahsyat azab hari akhirat bermula diperhimpunan manusia di padang mahsyar lagi.

Anggota kita sama ada tangan, kaki, kulit dan lain-lain akan menjadi saksi segala perbuatan maksiat. Mulut ditutup dan tidak dapat bercakap untuk membela kita.

Azab akhirat yang mengerunkan bukan hanya luaran sahaja malah makanan dan minuman juga semuanya amat menyiksakan.

Semoga hati kita semua merasa bimbang, gementar dan takut kepada azab akhirat. Hayatilah sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim:

وَاللّٰهُ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Yang bermaksud: “*Sekiranya kamu mengetahui apa yang aku ketahui nescaya kamu akan sedikit ketawa dan banyak menangis*”.

Banyakkan berdoa,

اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ

Yang bermaksud: “*Ya Allah jauhkanlah aku daripada api neraka.*”



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحُطْمَةُ ﴿٥﴾ نَارُ اللَّهِ الْمُوقَدَةُ ﴿٦﴾ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ﴿٧﴾
إِنَّهَا عَلَيْهِمْ مُّوَصَّدَةٌ ﴿٨﴾ فِي عَمَدٍ مُمَدَّدَةٍ ﴿٩﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.